

Gempa di Sabah disebabkan gelinciran di selatan Gunung Kinabalu

GEMPA bumi yang berlaku berhampiran Gunung Kinabalu Jumaat lalu disebabkan gelinciran di garis gelinciran berukuran kira-kira 10 kilometer, kata saintis di Observatori Bumi Singapura.

Garis itu berpusat lebih kurang 10 kilometer di bawah permukaan bumi, di selatan Gunung Kinabalu.

Ia adalah sebahagian daripada sistem gelinciran sepanjang hampir 200 kilometer dari timur laut ke arah barat daya di Sabah, kata saintis di observatori Universiti

Teknologi Nanyang (NTU) itu.

Gempa bumi yang merosakkan di timur Malaysia jarang berlaku, dengan Sabah mengalami hanya tiga gempa bumi sebelum ini dengan magnitud lebih besar.

Gempa pada 1923 berukuran 6.3 dan gempa pada 1976 pula berukuran 6.2 – berlaku kira-kira 100 kilometer ke tenggara.

Pada 1951, gempa bumi magnitud 6.1 berlaku kira-kira 50 kilometer ke utara.

Gempa Jumaat lalu berukuran 6.0 pada skala Richter.

Namun ia menarik perhatian bahawa gempa bumi boleh berlaku di sana, kata Profesor Kerry Sieh, pengarah observatori itu.

“Tidak seperti Sumatera, Nepal, Taiwan dan Jepun, yang merentangi sempadan plat tektonik bergerak pantas, Sabah bukan tempat yang terkenal dengan gempa bumi yang merosakkan.

“Jadi gempa bumi yang merosakkan yang melanda Jumaat lalu agak mengejutkan.

“Rakaman seismik dari seluruh dunia,

ukuran ubah bentuk tanah dari satelit, dan analisis topografi pergunungan Sabah kini membantu kami memahami apa yang berlaku dan mengapa,” ujar Profesor Sieh.

Berbanding dengan empat gempa bumi lalu di Sabah dengan magnitud 6.0 atau lebih tinggi, Sumatera di Indonesia telah mengalami lebih daripada 100 gempa bumi dengan magnitud 6.0 atau lebih besar dalam 15 tahun yang lalu. Sebanyak 14 daripadanya mempunyai magnitud antara 7 dengan 9.2.